

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 25 HATI SAYA TETAP DENGAN USM- ZAHARAH AUG



PULAU PINANG, 25 Ogos 2016 – "Hati saya tetap dengan USM dan saya tidak menerima segala tawaran yang diterima dari tempat lain," kata pesara Ketua Penolong Pendaftar, Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (PPKA) , Universiti Sains Malaysia, Zaharah Mohamed.

Zaharah,52 yang memulakan kerjaya sebagai Pembantu Tadbir telah menerima pelbagai tawaran setelah tamat pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan juga sarjana di Universiti Utara Malaysia dalam bidang pengurusan sumber manusia.

"Namun, pilihan saya adalah USM dan saya tidak tersalah membuat pilihan kerana di sini kerjaya saya telah berkembang dan meningkat," katanya ketika menghadiri Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan 13 orang pesara skim N (Pegawai Tadbir) tahun 2016 anjuran Bahagian Sumber Manusia.

Zaharah yang bersara secara pilihan bagi menjalankan perniagaan berkata, syarikatnya Zaqsolution Sdn. Bhd. akan melancarkan produk minuman kesihatan khas untuk penjagaan mata tidak lama lagi di samping perniagaan pakaian yang telah dimulakan pada tahun lalu dan aktif sejak bersara 1 Ogos lalu.



"Saya terhutang budi kepada USM khususnya PPKA yang banyak menjadikan saya lebih berdisiplin dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepada saya," tambah Zaharah yang mempunyai tiga orang cahayamata. .

Zaharah mula berkhidmat dengan USM pada 1 April 1986 dan pernah bertugas di Pusat Pengajian Teknologi Industri (dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Sains Gunaan), Kampus Cawangan Perak di Tronoh dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa di Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal.

Teks: Nor Rafizah Md Zain

Foto: Mohd Fairus Md Isa



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015